

TARIKH : 13 JANUARI  
SURAT KHABAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 9

## Lagi pertuduhan tuntutan palsu Penjana



**DARI KIRI: Muhammad Aliff dan Muhammad Asyraf ketika hadir di Mahkamah Sesyen Shah Alam semalam.**

**SHAH ALAM** – Dua ahli perniagaan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas tuduhan membuat tuntutan palsu berhubung insentif Program Penjana Kerjaya 2.0 Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) berjumlah RM756,980.

Kedua-dua tertuduh iaitu Muhammad Aliff Abdul Rashid, 36, dan Muhammad Asyraf Omar, 31, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan ke atas mereka dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Muhammad Aliff menghadapi enam pertuduhan menuntut insentif Program Penjana Kerjaya 2.0 berjumlah RM714,800.

Muhammad Asyraf pula didakwa atas satu pertuduhan bagi tujuan sama bernilai RM42,800.

Dokumen palsu tersebut diberikan kepada tiga pegawai Perkeso di pejabat Perkeso di

Rawang dan Petaling Jaya dekat sini pada 22 Mac hingga 14 September 2021.

Sabit kesalahan, mereka boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda atau RM10,000 mana lebih tinggi mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Muaz Ahmad Khairuddin, manakala Peguam Ahmad Najib Azhar mewakili Muhammad Aliff. Muhammad Asyraf pula tidak diwakili peguam.

Mahkamah menetapkan jaminan sebanyak RM50,000 ke atas Muhammad Alif dan Muhammad Asyraf pula RM5,000.

Mereka juga perlu melaporkan diri di pejabat SPRM berhampiran pada setiap awal bulan.

Sebutan semula kes itu ditetapkan pada 13 dan 23 Februari ini.